

Belum ada bukti kumpulan serpihan ^{UM} menghasut — PM

12 DEC 1988

ALUR SETAR 11 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahatir Mohamad hari ini berkata, belum ada bukti yang menunjukkan beberapa orang penyokong kumpulan serpihan menghasut ahli - ahli Parlimen daripada komponen Barisan Nasional mengosongkan kerusi bagi membolehkan pilihanraya kecil diadakan.

"Malaysia ialah sebuah negara yang bebas, jadi siapa sahaja boleh meletakkan jawatan," katanya mengulas perletakan jawatan Ahli Parlimen MCA kawasan

Ampang Jaya, Dr. Lim Ann Khoo.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata demikian ketika ditanya oleh para pemberita setelah tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini, tengah hari ini.

Mengenai pemecatan Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan Encik M. Pandithan dari Parti MIC, Perdana Menteri juga menjelaskan kerajaan belum membuat keputusan mengenai kedudukannya di dalam kabinet.

Perdana Menteri dan isterinya pulang ke Kubang Pasu hari ini untuk menghadiri majlis kenduri kahwin di Kampung Paya Tok Teh, dekat Jitra.

Di Kuala Lumpur Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Datuk Sri Najib Tun Razak hari ini berkata, beliau yakin anggota-anggota Parlimen MCA lain tidak akan mengikuti langkah Dr. Lim.

Datuk Sri Najib berkata anggota-anggota Parlimen MCA itu adalah bertanggungjawab serta sedar tentang kesan buruk jika mereka meletakkan jawatan seperti menyebabkan pilihanraya - pilihanraya kecil terpaksa diadakan yang akan hanya membazirkan wang rakyat.

Datuk Sri Najib yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, Pergerakan Pemuda UMNO telah menerima laporan tentang adanya satu bentuk tekanan dan pujuk rayu oleh "pihak berkenaan" supaya kerusi Parlimen Ampang Jaya itu dikosongkan.

Dengan kemasukan calon Bebas di kawasan yang pernah diduduki oleh MCA itu katanya, kumpulan Bebas percaya ini akan meletakkan pengundi Melayu dalam keadaan serba salah apatah lagi dengan keputusan Barisan Nasional untuk meletakkan calon MCA bertanding semula dalam pilihanraya kecil itu kelak.